

# Jalan TAR meriah diserbu orang ramai

- **Kedai berlumba-lumba tawar diskaun**
- **Pengunjung puas hati, rasa selamat**

Oleh **TUAN NURHIDAYAH**  
**TUAN AB. GHANI**

**KUALA LUMPUR** – Cuaca panas pada sebelah pagi di sekitar ibu negara semalam tidak mematahkan semangat orang ramai berpusu-pusu mengunjungi Jalan Tuanku Abdul Rahman untuk membeli persiapan hari raya.

Tinjauan *Kosmo!* di lokasi tumpuan ramai tersebut mendapati, para pengunjung dilihat membawa ahli keluarga masing-masing seperti kebiasaan pada tahun-tahun sebelum ini.

Menurut salah seorang pengunjung, Nazirul Zakwan, 21, dia dan keluarganya yang tinggal di Hulu Langat, Selangor tetap setia datang membeli pakaian raya di situ setiap tahun.

“Seperti kita sedia maklum tahun lalu, kawasan Jalan Masjid India yang terletak berhampiran Jalan TAR ini pernah berlaku kejadian seorang wanita warga India hilang akibat tanah jerlus.

“Saya merasakan keadaan di



**ORANG** ramai mengambil peluang cuti hujung minggu untuk melakukan persiapan hari raya di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur semalam. – SADDAM YUSOFF

sini selamat, jadi saya tidak ambil pusing (risau) sangat dengan kejadian tanah jerlus yang berlaku Ogos tahun lalu itu.

“Selain itu, saya juga yakin

lokasi itu sudah dibaik pulih oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL),” katanya di sini semalam.

Sementara itu, Farha Syahi-

rah, 36, berkata, suasana di Jalan TAR mula meriah dan menerima kunjungan ramai ekoran kebanyakan kedai-kedai menawarkan promosi serta tawaran cabutan

bertuah yang menarik.

“Saya borong baju-baju anak dan suami tiap tahun di sini sebab senang boleh tengok dan pilih sendiri warna serta jenis fabrik. Promosi serta tawaran cabutan bertuah juga menarik selepas ada kedai tawarkan hadiah kereta.

“Dalam pada itu, saya dan suami lihat kawasan ini dibanjiri orang ramai seperti biasa. Keyakinan orang berkenaan faktor keselamatan pula saya lihat adalah baik. Jadi, tak perlu risau dah rasanya,” ujarinya.

Seorang lagi pengunjung, Aidil Zafran, 30, berkata, dia merasakan raya bagaikan tidak meriah jika tidak dapat membuat persiapan lebih-lebih lagi mengunjungi lokasi popular tumpuan ramai itu.

“Sudah menjadi ‘tradisi’ kepada masyarakat di ibu negara serta negeri-negeri lain, andai mahu beli persiapan hari raya, Jalan TAR adalah syurganya.

“Bukan apa, di sini kita diberikan banyak pilihan, malah promosi yang ditawarkan juga adalah terbaik lebih-lebih lagi menjelang hari raya. Antara larat atau tidak sahaja untuk kita berjalan ke setiap gedung, kedai pakaian,” ujarinya berseloroh.